

11/10/1999

Tatu ATM 99 sediakan persembahan menarik

Fazli Abdullah; Fazallah Pit

SEORANG lelaki berpakaian ala Zorro menunggang Modenas Jaguh. Gayanya tidak ubah seperti Zorro menunggang kuda. Jika Zorro membawa cemeti untuk menyebat kuda, dia juga membawa cemeti tetapi menyebat Jaguh.

Itu adalah sebahagian aksi menarik bakal dipersembahkan oleh Wira Merah dari Kor Polis Tentera Diraja dalam Tatu Angkatan Tentera Malaysia 1999 yang akan diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Jumaat dan Ahad ini.

Sempena perlumbaan kereta Formula 1, Tatu ATM 99 juga akan mempersembahkan beberapa segmen termasuk akrobatik motosikal kepada peminat yang mengunjungi Litar Antarabangsa Sepang pada Sabtu dan Ahad ini.

Tatu ATM 99 yang bertema 'Angkatan Tentera Pada Alaf Baru', akan muncul dengan persembahan menarik, khususnya penampilan lima Modenas Jaguh selepas mengadakan pertunjukan terakhir pada 1992.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Tatu ATM 99, Mej Jen Datuk Abdul Wahid Anwar, berkata persembahan kali ini adalah menarik dengan gabungan aksi anggota ATM dan aset perkhidmatan termasuk persembahan pasukan kuda istiadat dan anjing perang.

"Tatu ATM 99 akan menampilkan persembahan berbentuk hiburan, humor, sensasi dan kreativiti dengan konsep intergrasi ATM, agensi kerajaan dan masyarakat dalam mempertahankan kedaulatan dan pembangunan negara," katanya yang juga Panglima Latihan Tentera Darat.

Seramai 2,898 pegawai dan anggota tentera dari ketiga-tiga perkhidmatan akan mengambil bahagian dalam pelbagai acara persembahan yang mengambil masa kira-kira tiga jam. Selain itu, 500 lagi terbabit sebagai kumpulan sokongan bagi menjayakan persembahan terakhir abad ini.

Dengan jemputan terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, selaku Panglima Tertinggi ATM, Raja Permaisuri Agong; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta menteri Kabinet, tatu kali ini diharap menjadi persembahan paling menarik abad ini. Orang kenamaan dan jemputan akan menyaksikan persembahan pada 15 Oktober itu.

Mengimbu sejarah Tatu, ATM mula memperkenalkan persembahan itu pada 1963 dengan pertunjukan terhad kepada akrobatik dan pancaragam. Mulai 1986, kerajaan memasukkan persembahan tatu dalam kalendar pelancongan negara.

Tatu diadakan sebagai satu daripada acara dalam sambutan Pesta Malaysia iaitu acara kemuncak dan penutup pesta berkenaan. Acara yang dipertontonkan ialah akrobatik motosikal, gimnastik, pancaragam dan pantomim.

Bagi pertunjukan Tatu ATM 99 kali ini, pengunjung terlebih dahulu akan dihiburkan dengan persembahan nyanyian selama 30 minit oleh Badan Kesenian Tentera Darat.

Persembahan kali ini dibahagikan kepada tiga segmen. Setiap satunya membawa mesej tersendiri, sekali gus mendedahkan kepada penonton mengenai kegiatan tentera kepada pengunjung yang dijangka akan memenuhi setiap penjuru Stadium Nasional Bukit Jalil.

Segmen pertama yang membawa mesej 'Penglibatan Anak Watan Dalam ATM', akan dijayakan oleh ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM - darat, laut dan udara. Anggota 3 Divisyen akan memperlihatkan kemahiran individu dan kumpulan dari segi tempur tanpa senjata/senaman perang.

Sekolah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pula melakukan persembahan gimnastik, kesetiaan 17 ekor anjing perang dari Pusat Latihan Tentera Darat (Pulada) dan kehebatan serta ketangkasan Provos Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menghayun, membaling dan memusing senjata dan kawad senyap.

Segmen kedua yang bertemakan 'Tentera dan Masyarakat Dalam Pembangunan Negara' akan menampilkan pertunjukan kawad berirama oleh 12 ekor kuda dari Skuadron Istiadat Berkuda. Persembahan oleh skuadron yang ditubuhkan pada 13 Mei 1997 sudah pasti akan mempesonakan pengunjung.

Gabungan pancaragam dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dalam ATM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Malaysia Airport Berhad turut menghiburkan penonton.

Sebaik pancaragam berakhir, pertunjukan yang paling mendebarkan dan ditunggu-tunggu oleh penonton menyusul iaitu persembahan akrobatik motosikal oleh pasukan Wira Merah. Kali ini, motosikal Jaguh Modenas turut beraksi, selain motosikal Guzzi dan BSA.

Pelbagai aksi lucu dan mendebarkan bakal dipersembahkan oleh pasukan yang dianggotai 80 orang, termasuk sembilan wanita. Antaranya, menunggang motosikal sambil bermain gitar, sebuah motosikal BSA yang berusia 13 tahun dinaiki 13 orang, tiga Jaguh membawa 25 anggota Wira Merah dan lompatan oleh motosikal lasak.

Selepas mempamerkan kehebatan Wira Merah, segmen terakhir persembahan Tatu ATM 99 membawa sebuah kisah untuk direnungi dan dihayati oleh pengunjung. Persembahan ini membawa mesej keupayaan, peranan dan tugas ATM mempertahankan kedaulatan tanah air.

Ia mengisahkan sebuah negara pelbagai kaum yang hidup aman damai. Rakyat melakukan tugas harian tanpa sebarang kekacauan, tetapi pada satu hari negara itu ditawan pengganas. Akibatnya, rakyat diseksa dan hidup menderita.

Dalam suasana itu, peranan pasukan tentera sangat diperlukan. Tatu ATM 99 akan memperlihatkan peranan dan aksi pasukan tentera untuk menghapuskan musuh. Aksi itu dipersembahkan oleh anggota dari 2 Divisyen dan komando dari 21 Grup Gerak Khas. Akhirnya, pasukan musuh berjaya ditumbang dan rakyat kembali hidup aman damai.

Orang ramai, khususnya yang tinggal di sekitar Lembah Klang diharap tidak melepaskan peluang menyaksikan persembahan Tatu ATM 99 kali ini, yang dijangka mampu memberi kepuasan kepada setiap pengunjung.

Apa yang menarik, persembahan adalah percuma. Bagaimanapun, orang ramai perlu mendapatkan kupon yang mula diedarkan semalam (Ahad). Kupon boleh diperoleh di mana-mana stesen Star-LRT dan Urusetia Tatu ATM di Stadium Nasional.

(END)